

Bergantung kepada situasi jerebu, tiga kawasan catat IPU sangat tidak sihat

# Operasi pembenihan awan diperluas

Oleh ZAKI SALLEH

**I**POH — Operasi pembenihan awan akan diperluaskan ke negeri lain selepas Sarawak dan Selangor sekiranya bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) semakin meningkat sebagai usaha untuk mengurangkan kesan jerebu.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah Majlis berkata, operasi pembenihan juga hanya boleh dilakukan setelah mengambil kira bacaan kelembapan awan di kawasan yang telah ditetapkan.

"Kita sudah membuat pembenihan awan di Sarawak dan selepas ini di Selangor pula mengikut masa yang sesuai supaya ia berkesan.

"Mungkin akan buat (di lokasi lain), namun kita fokus kepada kawasan di sebelah Selangor dahulu," katanya ketika menghadiri program Go Nature Campaign 2.0 2019 di sini semalam.

Isnaraissah Munirah turut menasihatkan orang ramai supaya tidak melakukan pembakaran terbuka walaupun kecil seperti membakar sampah di belakang rumah agar tidak memburukkan lagi keadaan.

Berdasarkan portal Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS) sehingga pukul 6 petang se-



ISNARAISAH



PENOLONG Pengarah Operasi Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Selangor, Hafisham Mohd. Noor (kanan) menunjukkan kebakaran kecil di kawasan pertanian di Kampung Johan Setia, Klang semalam.

malam, tiga kawasan mencatatkan IPU sangat tidak sihat iaitu Kuching dan Samarahan, Sarawak masing-masing dengan bacaan 222 serta 204 manakala Tangkak, Johor (208).

Cuaca hujan pada lewat pagi di Johan Setia, Klang, Selangor menjadikan kawasan tersebut berada pada tahap tidak sihat semalam berbanding kelmarin.

Dalam pada itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam satu kenyataan berkata, peningkatan kawasan yang mencatatkan IPU sangat tidak sihat disebabkan jerebu merentas sempadan selain terdapat beberapa kejadian kebakaran di kawasan belukar dan kebun persendirian yang dilaporkan.

"Terdapat satu kebakaran hutan gam-

but yang berlaku di Mukim Jorak, Daerah Muar, Johor di mana kebakaran sedang dalam tindakan pemadaman bomba.

"Kebakaran tersebut telah menyebabkan berlakunya keadaan berjerebu di kawasan sekitar," jelasnya.

Tambah JAS, kebakaran hutan yang berlaku di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia masih menyebabkan jerebu merentas sempadan dan memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di semua kawasan di sepanjang Pantai Barat, Selatan serta Timur Semenanjung Malaysia dan bahagian Barat Sarawak.

Sementara itu, di Perak, Pengurus Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LT-SAS), Mohd. Ali Osman berkata, kesemua

## INFO

Bacaan IPU setakat pukul 6 petang

### Sangat Tidak Sihat

● Kuching, Sarawak	(222)
● Tangkak, Johor	(208)
● Samarahan, Sarawak	(204)

### Tidak sihat

● Seremban, Negeri Sembilan	(168)
● Bandar Raya Melaka	(157)
● Sankel, Sarawak	(154)
● Bukit Rambai, Melaka	(150)
● Alor Gajah, Melaka	(148)
● Sibul, Sarawak	(147)
● Jerantut, Pahang	(144)
● Tawau, Sabah	(139)
● Segamat, Johor	(138)
● Johan Setia, Selangor	(137)
● Larkin, Johor	(131)
● Banting, Selangor	(127)
● Petaling Jaya, Selangor	(126)

### Bacaan IPU

0 hingga 50 (baik)
51 hingga 100 (sederhana)
101 hingga 200 (tidak sihat)
201 hingga 300 (sangat tidak sihat)
Lebih 300 (bahaya)

penerbangan yang ditunda kelmarin akibat jerebu telah dijadualkan semula untuk penerbangan semalam.

"Penerbangan hari ini (semalam) beroperasi seperti biasa cuma waktunya dijangka sedikit," jelasnya.

Kelmarin, seramai 549 penumpang terkandas di LTSAS berikutan tiga penerbangan tergendala akibat jerebu.